



# Resource COM01

## WWC Check (Pemeriksaan Bekerja dengan Kanak-kanak)

### Organisation check (Pemeriksaan organisasi)

Malay | Bahasa Melayu

'Organisation Check' dibuat untuk menolong **organisasi (organisation)** fikirkan adakah sudah patuh *Working with Children (Screening) Act 2004* (Akta) dan tahu apa-apa yang patut dibetulkan.

'Organisation Check' melihat bermacam-macam perkara yang mesti ada, berkenaan dengan polisi, prosedur dan sistem menyimpan rekod Working with Children (WWC) Check. Cara lain untuk masukkan WWC Check dalam organisasi kamu boleh dilihat dalam [WWC Check Compliance Toolkit](#) (Alat untuk Patuh WWC Check). Setelah selesai, kami syorkan kamu simpan 'Organisation Check' bersama-sama rekod WWC Check yang lain dan semak semula dari semasa ke semasa.

Organisasi	
Orang yang melengkapkan semakan pematuhan	
Jawatan	
Tarikh siap	

## Apa yang diperlukan?

1. Kamu ada pekerja, <b>sukarelawan (volunteers)</b> atau <b>pelajar (students)</b> yang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak?	Ya	
	Tidak	
	Tidak pasti	
<ul style="list-style-type: none"><li>• “Kerja” dikira <a href="#">kerja berkenaan kanak-kanak</a> kalau <b>tugas biasanya (usual duties)</b> ada, atau boleh dikatakan tentu ada, <b>kontak (contact)</b> dengan <b>kanak-kanak (child)</b> kerana sekurang-kurangnya satu <b>kategori (categories)</b> kerja berkenaan kanak-kanak, kecuali ada <a href="#">exemption</a>.</li><li>• “Kontak” maknanya termasuk:<ul style="list-style-type: none"><li>○ bersentuhan tubuh badan dengan cara apa pun</li><li>○ komunikasi lisan (bercakap) dengan cara apa pun, sama ada bersemuka, melalui telefon atau selainnya</li><li>○ komunikasi elektronik dengan apa cara pun.</li></ul></li><li>• Kalau ada orang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak dan tiada exemption, WWC Check mesti dilakukan.</li><li>• Pergilah ke <a href="#">laman WWC</a> untuk lebih banyak penerangan.</li></ul>		

2. Adakah orang yang dikehendaki ada WWC Check semuanya ada Kad WWC yang sah, atau adakah mereka sudah memohon?	Ya	
	Tidak	
	Tidak pasti	
<ul style="list-style-type: none"><li>• Kamu boleh periksa kad sah atau tidak atau permohonan sudah dibuat atau tidak di <a href="#">laman web WWC</a>.</li><li>• Kalau organisasi kamu benarkan orang lakukan kerja berkenaan kanak-kanak walaupun tidak ada Kad WWC, itu satu kesalahan, kecuali ada exemption:<ul style="list-style-type: none"><li>○ Seksyen 22 Akta: Majikan dilarang menggaji orang tertentu dalam pekerjaan berkenaan kanak-kanak.</li><li>○ Denda: Denda \$12,000 dan penjara 12 bulan.</li></ul></li></ul>		

3. Tahukah kamu apa yang mesti dibuat kalau mendapat <b>Notis Negatif (Negative Notice)</b> atau <b>Notis Negatif Sementara (Interim Negative Notice)</b> untuk pekerja, sukarelawan atau pelajar kamu?	Ya	
	Tidak	
	Tidak pasti	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keluarkan orang itu serta-merta daripada kerja berkenaan kanak-kanak.</li> <li>• Kalau organisasi kamu benarkan orang lakukan kerja berkenaan kanak-kanak walaupun sudah dikenakan Notis Negatif, atau Notis Negatif Sementara, itu satu kesalahan: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Seksyen 22 Akta: Majikan dilarang menggaji orang tertentu dalam pekerjaan berkenaan kanak-kanak.</li> <li>○ Seksyen 22(3) Akta: Majikan tidak boleh menggaji orang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak kalau majikan tahu Notis Negatif atau Notis Negatif Sementara telah dikenakan terhadap orang itu dan masih belum tamat tempoh.</li> <li>○ Denda: Denda \$60,000 dan penjara 5 tahun.</li> </ul> </li> </ul>		

### Bagaimana cara organisasi saya memenuhi syarat?

4. Adakah organisasi kamu mempunyai orang yang dicalonkan untuk periksa dan tanda tangan permohonan WWC sebagai wakil?	Ya	
	Tidak	
	Tidak pasti	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tentukan jawatan mana dalam organisasi yang dibenarkan menjadi wakil. Biasanya mereka yang jawatan bertanggungjawab.</li> <li>• Jawatan itu mesti: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ dibenarkan beri keterangan bagi pihak organisasi, yang mengatakan pemohon melakukan kerja berkenaan kanak-kanak</li> <li>○ dibenarkan menerima surat-menyurat yang berkenaan pekerja, sukarelawan atau pelajar (termasuk Notis Negatif)</li> <li>○ cukup tahu dan faham apa tindakan yang mesti dibuat bagi pihak organisasi.</li> </ul> </li> <li>• Pergilah ke <a href="#">laman Eventbrite WWC Screening Unit</a> untuk penerangan bengkel latihan untuk wakil organisasi.</li> </ul>		

5. Adakah organisasi kamu beritahu WWC Screening Unit siapa pekerja, sukarelawan atau pelajar baharu yang sudah ada Kad WWC yang sah?	Ya	
	Tidak	
	Tidak pasti	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Organisasi boleh beritahu WWC Screening Unit siapa pekerja, sukarelawan atau pelajar yang sudah ada Kad yang sah, iaitu menggunakan <a href="#">Borang pemegang kad Register</a>.</li> <li>Periksa kad itu sah atau tidak menggunakan <a href="#">Check WWC Card Validity</a> (Periksa Sah atau Tidak Kad WWC).</li> </ul>		

6. Organisasi kamu ada sistem untuk mencatatkan dan mengawasi sama ada organisasi kamu patuh undang-undang WWC?	Ya	
	Tidak	
	Tidak pasti	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Organisasi sangat disyorkan simpan rekod supaya sentiasa patuh dengan Akta.</li> <li>Simpan rekod termasuk mencatatkan maklumat resit WWC Check dan Kad WWC dalam database, fail Excel atau sistem rekod pekerja, dan periksa <a href="#">WWC Card Validity</a> (Sah atau tidak Kad WWC).</li> <li>Semua keputusan governance berkenaan WWC Check dalam organisasi mesti dicatatkan.</li> </ul>		

7. Organisasi kamu ada polisi yang termasuk atau berkenaan dengan WWC Check?	Ya	
	Tidak	
	Tidak pasti	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Organisasi mungkin ada polisi perlindungan kanak-kanak, yang termasuk penerangan WWC Check atau polisi yang tersendiri.</li> <li>Ada satu contoh polisi WWC Check dalam <a href="#">WWC Check Compliance Toolkit</a> (Alat untuk Patuh WWC Check).</li> </ul>		

8. Organisasi kamu ada prosedur untuk mengenal siapa pekerja, sukarelawan atau pelajar yang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak?	Ya	
	Tidak	
	Tidak pasti	

- "Kerja" dikira kerja berkenaan kanak-kanak kalau kerja itu biasanya ada, atau boleh dikatakan tentu ada, kontak dengan kanak-kanak berkaitan dengan sekurang-kurangnya satu kategori kerja berkenaan kanak-kanak, melainkan ada exemption.
- Ada satu contoh prosedur WWC Check dalam [WWC Check Compliance Toolkit](#) (Alat untuk Patuh WWC Check).

9. Organisasi kamu ada prosedur untuk pastikan pekerja, sukarelawan atau pelajar yang lakukan kerja berkenaan kanak-kanak sudah ada WWC Check yang sah atau sudah mohon WWC Check sebelum mula kerja berkenaan anak?

Ya	
Tidak	
Tidak pasti	

- Pekerja, sukarelawan atau pelajar mesti mohon WWC Check atau ada Kad WWC yang sah kalau hendak mulakan atau sedang lakukan kerja berkenaan kanak-kanak, kecuali ada exemption.
- Resit permohonan adalah bukti sudah ada permohonan yang belum dapat keputusan. Biasanya dengan bukti ini orang itu boleh mulakan atau teruskan kerja berkenaan kanak-kanak.
- Ada satu contoh prosedur WWC Check dalam [WWC Check Compliance Toolkit](#) (Alat untuk Patuh WWC Check).

10. Organisasi kamu ada prosedur untuk pastikan pekerja dapatkan Kad WWC baharu sebelum Kad tamat tempoh?

Ya	
Tidak	
Tidak pasti	

- Kad WWC tamat tempoh setiap tiga tahun. Organisasi kamu mesti ada proses untuk pastikan pekerja dapatkan Kad WWC baharu sebelum Kad tamat tempoh.
- Pekerja disyorkan buat Kad baharu sekurang-kurangnya satu bulan sebelum Kad WWC tamat tempoh, dan tidak lebih tiga bulan sebelumnya.
- Ada satu contoh prosedur WWC Check dalam [WWC Check Compliance Toolkit](#) (Alat untuk Patuh WWC Check).

11. Organisasi kamu ada prosedur untuk buat sesuatu selepas dapat Notis Negatif Sementara atau Notis Negatif daripada WWC Screening Unit?	Ya	
	Tidak	
	Tidak pasti	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua surat-menyurat berkenaan orang yang mohon atau pegang kad akan dihantar kepada Wakil Organisasi atau <a href="#">Central Notification Point</a> yang disebut dalam Borang Permohonan atau membuat kad baharu WWC.</li> <li>Organisasi boleh gunakan <a href="#">Card Holder Registration</a> (Pendaftaran Pemegang Kad) untuk beritahu WWC Screening Unit apabila ada pekerja, sukarelawan atau pelajar baharu yang sudah ada Kad WWC. Kalau kamu selalu beritahu Screening Unit, kami dapat hubungi kamu kalau pemegang kad dikenakan Notis Negatif Sementara atau Notis Negatif.</li> <li>Ada satu contoh prosedur WWC Check dalam <a href="#">WWC Check Compliance Toolkit</a> (Alat untuk Patuh WWC Check).</li> </ul>		

12. Organisasi kamu ada prosedur supaya pekerja yang tarik balik permohonan WWC Check atau batalkan Kad WWC tidak akan lakukan kerja berkenaan kanak-kanak?	Ya	
	Tidak	
	Tidak pasti	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Orang yang <a href="#">tarik balik</a> permohonan WWC Check selepas memohon, atau <a href="#">batalkan</a> Kad WWC, tidak dibenarkan melakukan kerja berkenaan kanak-kanak.</li> <li>Penting organisasi kamu ada prosedur supaya pekerja yang tarik balik permohonan atau batalkan Kad WWC mereka tidak lakukan kerja berkenaan kanak-kanak.</li> <li>Ada satu contoh prosedur WWC Check dalam <a href="#">WWC Check Compliance Toolkit</a> (Alat untuk Patuh WWC Check).</li> </ul>		

13. Organisasi kamu ada prosedur untuk mengenal dan beritahu WWC Screening Unit apa-apa kesalahan yang membolehkan pekerja terus lakukan kerja berkenaan kanak-kanak?	Ya	
	Tidak	
	Tidak pasti	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kalau organisasi kamu tahu ada kesalahan serius oleh orang yang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak, hubungi WWC Screening Unit.</li> <li>• Untuk lebih banyak penerangan tentang perbuatan salah, baca <a href="#">Factsheet OFF01: Class 1 and Class 2 Offences</a>.</li> </ul>		

### Apa yang saya patut buat sekarang?

Kalau kamu berkata 'tidak' atau 'tidak pasti' kepada mana-mana soalan di atas, mungkin tandanya organisasi kamu tidak patuh dengan peraturan dan ada risiko. Kamu disyorkan bertindak supaya organisasi kamu patuh dengan peraturan. Kalau perlukan bantuan, sila hubungi WWC Screening Unit.

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di [www.workingwithchildren.wa.gov.au](http://www.workingwithchildren.wa.gov.au)